

**GARIS PANDUAN
PERMOHONAN SKIM BINA DAN BAIKPULIH RUMAH LZNK
KEPADA ASNAF FAKIR, MISKIN DAN MUALLAF**

A. SYARAT ASNAF FAKIR DAN MISKIN

1. Beragama Islam.
2. Warganegara Malaysia.
3. Menetap di negeri Kedah sekurang-kurangnya 2 tahun.
4. Terdiri daripada golongan asnaf (melempi tapisan had kifayah LZNK).
5. Tidak mempunyai rumah sendiri atau rumah yang sedia ada terlalu daif.
6. Tapak binaan hendaklah sesuai dan selamat dibina.

B. SYARAT ASNAF MUALLAF

1. Memeluk Agama Islam di Negeri Kedah.
2. Menetap di negeri Kedah sekurang-kurangnya 1 tahun.
3. Salinan kad keterangan memeluk Islam daripada Pejabat Agama (jika ada).
4. Tempoh untuk memohon skim ini ialah lima (5) tahun dari tarikh memeluk Islam.
5. Berkelakuan baik sepanjang memeluk agama Islam.
6. Tidak mempunyai rumah sendiri atau rumah yang sedia ada terlalu daif.
7. Tapak binaan hendaklah sesuai dan selamat dibina.

Sertakan dokumen-dokumen berkaitan :

1. Pengenalan Diri

- Salinan kad pengenalan pemohon dan pasangan.
- Salinan kad pengenalan tanggungan / mykids / sijil kelahiran (jika ada).
- Salinan kad OKU (jika ada).

2. Status Pemohon

- Salinan sijil nikah.
- Salinan sijil kematian.
- Salinan surat/daftar cerai.
- Salinan pengesahan daripada penjara/polis (jika suami / isteri dalam tahanan).
- Salinan pengesahan daripada Imam / Amil Kariah (jika tiada dokumen di atas).

3. Status Tanah

(Permohonan Bina Rumah).

- Pemohon hendaklah mempunyai geran tanah atas milik sendiri.
- Tanah hendaklah mempunyai keluasan 1,500 kaki persegi.

(Permohonan Baikpulih Rumah)

- Surat persetujuan bersumpah dari semua waris yang membenarkan baikpulih rumah.

4. Dokumen Tambahan

- Salinan slip gaji/ penyata pendapatan/ pencen/ surat pengesahan pendapatan (jika berkenaan).
- Salinan penyata KWSP terkini bagi pemohon yang bekerja (jika berkenaan).
- Laporan polis dan gambar kebakaran (jika berlaku musibah).
- Surat persetujuan untuk merobohkan bangunan.
- Bil Elektrik/ Air/ Lain-lain bil (jika berkenaan).
- Laporan kesihatan/ Surat sakit keluarga (jika ada).
- Borang permohonan hendaklah mendapatkan pengesahan amil kariah.

5. Gambar Rumah Pemohon

- Gambar rumah (4 penjuru : depan, belakang, tepi, dalam rumah)
- Gambar tapak rumah (bagi permohonan bina rumah sahaja)